

Mereka menyokong segala dasar perjuangan **JANGAN PERSOAL BUKAN ISLAM**

KUALA LUMPUR 2 Nov. — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir menyuruh ahli-ahli parti itu supaya tidak mempersoalkan kemasukan bumiputera bukan Islam ke dalam UMNO.

Menurut beliau, pada masa ini pun, terdapat orang bukan Islam di Semenanjung Malaysia yang telah menjadi ahli UMNO.

"Di Kedah dan Perlis ada ketua cawangan UMNO yang terdiri daripada orang Siam dan ini tidak menjadi masalah kerana perlembagaan kita menetapkan selain daripada orang Melayu, bumiputera juga boleh jadi ahli UMNO."

"Mereka semua menyokong segala dasar UMNO termasuk kedudukan UMNO dengan

agama Islam. Oleh itu, mereka tidak membantah walaupun mereka tidak beragama Islam," jelas beliau.

Perdana Menteri menyatakan demikian kepada para pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan ketua-ketua dan setiausaha - setiausaha bahagian UMNO di sini petang ini.

Sebelum ini, terdapat ahli-ahli UMNO yang bimbang dengan kemasukan bumiputera bukan Islam Sabah apabila parti itu mengambil keputusan untuk mengembangkan sayapnya ke negeri itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, seramai 220 orang yang mewakili UMNO Sabah akan menjadi pemerhati pada perhimpunan agung selama empat hari yang bermula Khamis ini.

Katanya, semua pemerhati tersebut akan datang dengan perbelanjaan sendiri.

Mengenai pertemuannya dengan ketua-ketua dan setiausaha - setiausaha bahagian UMNO yang berlangsung petang ini, beliau berkata, ia adalah satu pertemuan biasa untuk menerangkan kepada ahli-ahli mengenai perkara-perkara berkaitan dengan perhimpunan agung itu.

Selain itu, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, perjumpaan yang diadakan itu juga telah memberikan beliau peluang menjelaskan perkara-perkara berhubung dengan Mesyuarat Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang berlangsung di Harare, Zimbabwe baru-baru ini.

Berhubung dengan pindaan perlembagaan UMNO bagi membolehkan Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita dipilih oleh perwakilan, beliau berkata, dengan pindaan yang akan dibuat nanti, kedua-dua jawatan itu akan dipilih mulai 1993.

UMNO — Mahathir **KEMASUKAN**